

Kerajaan tekad hapus kartel barangan

Serdang: Kerajaan MADANI berjaya memecahkan kartel barangan keperluan rakyat yang sudah bertapak puluhan tahun, hasil tekad memerdekakan negara daripada penyelewengan dan rasuah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Di sebalik kejayaan itu, Perdana Menteri mengakui masih banyak yang perlu diperbaiki, namun tekad kerajaan memengaruhi sebarang bentuk kecurangan terhadap negara tidak pernah padam.

Beliau berkata, isu membabitkan kepentingan rakyat, terma-

suk pendidikan, kesihatan dan harga barang, tidak pernah terlepas daripada dibincangkan dalam setiap mesyuarat Jemaah Menteri dan mencari jalan menanganinya.

“Kerajaan MADANI memecahkan tembok kartel dan kita terus berperang. Saya panggil penguat kuasa (dan arah) perang kartel dan kumpulan yang menggunakan cara haram dan khianat untuk merosakkan negara ini. Kita tidak tolak ansur.

“Kartel ayam kita pecahkan. Sudah berapa lama? Sudah puluhan tahun, mampu kita pe-

cahkan, disebabkan tekad politik dan semangat rakan dalam bidang penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan semua.

“Apakah sudah sempurna? Tidak. Apakah sudah mampu kita hentikan penyeludupan? Tidak, masih ada dan sebab itu, semangat kemerdekaan ini bermakna tekad kita merdeka dan melepaskan negara ini dari segala bentuk kecurangan, rasuah dan kegiatan haram,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2025 di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bercadang menurunkan harga minyak RON95 kepada RM1.99 yang akan memberi manfaat kepada majoriti rakyat.

Bagaimanapun katanya, ada segelintir pihak yang memainkan sentimen bahawa kerajaan bertindak zalim dengan menarik subsidi minyak dan akan membebaskan rakyat, sedangkan itu hanya membabitkan warga asing dan golongan kaya.